

09/10/2002

Singapura setuju bincang formula harga air Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa - Singapura akhirnya bersetuju supaya soal air diasingkan daripada pakej penyelesaian beberapa isu tertangguh dengan Malaysia, yang menimbulkan masalah kepada hubungan kedua-dua negara.

Republik itu juga mahukan rundingan penetapan harga air diteruskan pada peringkat pegawai dan menteri.

Perkembangan yang menggalakkan itu dicapai dalam perbincangan antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan rakan sejawatnya dari Singapura, Goh Chok Tong yang mengunjungi Putrajaya hari ini.

Dalam pertemuan selama kira-kira 30 minit itu, Perdana Menteri memberitahu Goh bahawa soal air perlu diselesaikan terlebih dulu bagi membuka jalan kepada penyelesaian isu lain yang lama tertangguh antara kedua-dua negara.

Berikutan itu, Goh bersetuju supaya mesyuarat peringkat pegawai kedua-dua negara pada 16 dan 17 Oktober ini membincangkan lebih lanjut formula harga air yang dikemukakan Malaysia supaya boleh diterima oleh kedua-dua pihak.

Cadangan formula harga air yang dikemukakan Malaysia dibuat berdasarkan keadaan semasa dan harga kompetitif. Harga air mentah dijual Malaysia kepada Singapura masih tiga sen bagi setiap 1,000 gelen (4,500 liter) sejak 1957.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata dalam pertemuan itu, kedua-dua pemimpin bagaimanapun tidak menyentuh mengenai harga air baru yang dicadangkan Malaysia.

"Sebaliknya, mereka memberi mandat kepada pegawai untuk membincang harga itu. Prinsipnya ialah Singapura bersetuju bahawa Malaysia mempunyai hak untuk membuat penyemakan harga air itu," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen petang ini.

Ketika ditanya sama ada perjanjian harga baru air itu nanti dapat dimeterai sebelum akhir tahun ini, beliau berkata, pihaknya belum dapat memastikannya.

Bagaimanapun, katanya, jika itu berlaku, maka ia membuka lembaran baru bagi kedua-dua negara apatah lagi Dr Mahathir dan Goh memang mahu melihat penyelesaian isu itu melalui rundingan.

"Kedua-dua pemimpin menganggap ia perkara penting dan Dr Mahathir bersetuju bahawa kita akan bincangkan soal harga air saja, sebagaimana kita putuskan. Soal berapa banyak kita bekalkan air kepada Singapura, tidak menjadi masalah.

"Berapa banyak yang Singapura nak, kalau harganya bersesuaian, kompetitif, ia menjadi satu komoditi untuk kita menjual, kita akan jual. Kalau Singapura tidak membeli air dari Malaysia pun, kita akan menggunakan air ini untuk bekalan kepada negeri yang memerlukan air," katanya.

Sebelum itu, Goh ketika menemui wartawan selepas berucap pada Sidang Kemuncak Asia Timur di sini pagi ini berkata, Singapura bukannya menolak cadangan Malaysia untuk menyemak semula harga air.

Sebaliknya, beliau berkata, Singapura berpendapat semakan semula harga itu mestilah mempunyai asas berkaitan kadar harga baru yang dicadangkan Malaysia.

"Selain itu, kami juga mahu merundingkan perjanjian bekalan air pada masa depan.

"Saya akan menggesa pegawai kami merapatkan jurang perbezaan mengenai persoalan harga air yang dibeli Singapura dari Malaysia ketika ini dan

apakah harga yang akan dibelinya di masa depan," katanya.

Malaysia pertama kali mengemukakan formula harga baru air kepada Singapura pada mesyuarat peringkat Menteri Luar di Putrajaya pada awal Ogos lalu tetapi ditolak republik itu yang mahukan formula lebih kompetitif.

Pada mesyuarat kedua peringkat Menteri Luar di Singapura awal bulan lalu, Malaysia mengemukakan sekali lagi formula baru harga air dan Singapura hanya menyatakan persetujuan untuk menimbangkannya.

Malaysia dan Singapura sebelum ini bersetuju untuk membiarkan Perjanjian Air 1961 dan 1962 tamat pada 2011 dan 2061, dan satu perjanjian baru dimeterai jika republik itu mahukan bekalan air untuk 100 tahun lagi.

Isu lain yang tertangguh antara dua negara ialah pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF); pembangunan tanah milik Keretapi Tanah Melayu (KTM) Bhd, penempatan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Malaysia serta penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura.